

Fokus: Jenayah Siber Di Malaysia

# Ancaman Jenayah ICT Kian Buruk

Kes jenayah siber naik empat kali ganda pada tahun ini berbanding tahun lepas, iaitu rekod tertinggi sejak tujuh tahun lalu. Tiada tanda gejala negatif tersebut akan kembali reda



Di sebalik kecanggihan ICT, negara merekodkan peningkatan empat kali ganda kes jenayah siber, angka tertinggi sejak Internet diperkenalkan di Malaysia tujuh tahun lalu.

Oleh AMREE AHMAD

**A**PABILA Internet mulai popular sebagai medium interaktif canggih sejak pertengahan dekad lalu, dunia digambarkan menuju era teknologi komunikasi maklumat (ICT) tanpa sempadan. Bermula 13 juta komputer yang menghubungkan 195 buah negara pada 1996, persejagatan secara maya itu kini menjangkau 502 juta pengguna termasuk di Antartika.

Namun, zaman ICT yang bergerak pantas sambil diharap dapat mengubah landskap citra global ke arah positif, rupanya tanpa disedari turut membawa bersama unsur negatif. Seperti mana teknologi lain, komputer, khususnya rangkaian Internet, juga boleh digunakan sama ada untuk tujuan kebaikan atau

kejahatan, bergantung pada niat individu terbabit.

Daripada sekadar mendapatkan maklumat berita terkini, urus niaga tanpa henti atau mencari teman di kala sunyi, jaringan siber turut mencetuskan jenayah dan huru-hara. Jika dahulu, salah laku ICT cuma melibatkan kes penggodaman laman web atau serangan virus, kini ia merangkumi peras ugut, penyebaran bahan lucah sehingga ke pemalsuan perdagangan.

Jenayah siber bukan setakat boleh mengancam individu atau organisasi gergasi, bahkan menjejaskan teruk ekonomi dan keselamatan sesebuah negara berdaulat. "Malaysia tidak terkecuali. Kes jenayah siber di negara ini kini naik mendadak," kata Timbalan Pengarah II, Pusat Respons Keselamatan dan Kecemasan

ICT Kebangsaan (NISER), Ariffuddin Aizuddin.

Dari segi angka, Malaysia sebetulnya mengalami peningkatan menakutkan. Buat kali pertama dalam tempoh tujuh tahun, sebanyak 2,863 kes jenayah siber dilaporkan tahun ini sehingga Oktober lalu. Jumlah itu belum dicampur statistik dua bulan terakhir ini. Angka itu adalah empat kali lebih tinggi berbanding 739 kes yang direkodkan tahun lepas.

Bahkan buat julung kalinya, Oktober tahun ini mencipta sejarah sebagai bulan paling banyak kes iaitu 757 berbanding rekod terendah 14 dicatatkan pada Julai 1998. "Memang ia kelihatan agak membimbangkan, tetapi masih terkawal. Ia juga menggambarkan tahap kesadaran pengguna yang semakin berani membuat

aduan rasmi kepada NISER," jelas Ariffuddin.

Bilangan kes sebenar jenayah siber mungkin lebih tinggi kerana NISER menganggarkan hanya 30 peratus insiden salah laku ICT dilaporkan kepada agensi itu. "Walhal kajian NISER sebelum ini mendapati cuma 16 peratus pengguna siber sedia membuat aduan. Itu pun sudah dikira membanggakan kerana hanya lima peratus kes jenayah siber dilaporkan pada tahun lalu," tambah beliau.

Skema tersebut turut disumbangkan oleh penambahan pengguna Internet di Malaysia yang mencecah hampir lapan juta orang pada tahun ini dengan tiga juta daripadanya ialah pelanggan berdaftar talian Internet. NISER menjangka lebih 50 peratus rakyat Malaysia menggunakan Internet menjelang 2005 melibat-

www - cyber crime  
p: 18-20



**Banyak kes jenayah siber melibatkan mesej sampah berbanding pemalsuan urus niaga.**

kan 93 peratus penduduk di bandar.

Badan itu yang ditubuhkan hasil mesyuarat Majlis ICT Kebangsaan keenam pada 1998 membahagikan jenayah siber kepada sembilan kategori. Paling banyak kes ialah mesej sampah atau dikenali spam, diikuti ancaman virus, penggodaman, pencerobohan, pengacauan, pemalsuan, penafian perkhidmatan, pembajakan e-mel dan pemusnahan.

"Terdapat kekeliruan istilah penggodaman apabila ramai pengguna ICT merujuk istilah dalam bahasa Inggeris sebagai *hacker* sedangkan perkataan sebenarnya ialah *cracker*. Ini kerana dari segi teknikal *hacker* masuk ke sesuatu laman web bagi memperbetulkan kerosakan sementara *cracker* adalah sebaliknya, ibarat tikus membaiki labu," kata Ariffuddin.

Selain itu, pengguna barangkali khilaf tatkala menganggap NISER dan Pasukan Respons Kecemasan Komputer Malaysia (MyCERT) sebagai agensi yang sama di bawah MIMOS Berhad. Hakikatnya, MyCERT yang diasaskan pada 1996 telah diserap selaku unit kecil di dalam NISER mulai 2001 bagi memberi amaran awal mengenai sebarang ancaman siber serius.

Badan tanpa keuntungan itu mempunyai 32 petugas profesional yang mampu menjalankan pemeriksaan rapi forensik komputer selain membantu Bahagian Jenayah Perdagangan Polis menyiasat kes-kes jenayah siber. NISER juga bekerjasama dengan lima penyedia per-

### Perangkaan Jenayah Siber Di Malaysia Mengikut Jenis Kes Dan Tahun

Jenis Kes	1997	1998	1999	2000	2001	2002	2003
Pembajakan	29	32	18	20	5	1	1
Mesej Sampah	34	146	201	156	82	114	2,027
Pengacauan	8	11	11	16	24	11	22
Pemalsuan	4	6	17	3	10	16	21
Penggodaman	4	95	343	195	215	301	260
Virus	7	4	54	27	379	225	489
Nafi Khidmat	5	10	10	25	19	11	4
Pemusnahan	2	1	11	13	0	0	0
Pencerobohan	22	37	63	48	198	60	39
<b>Jumlah</b>	<b>115</b>	<b>342</b>	<b>728</b>	<b>503</b>	<b>932</b>	<b>739</b>	<b>2,863</b>

### Perangkaan Jenayah Siber Di Malaysia Mengikut Bulan Dan Tahun

Bulan	1997	1998	1999	2000	2001	2002	2003
Januari	td	41	32	48	40	55	49
Februari	td	16	26	42	29	43	20
Mac	td	31	37	38	54	41	53
April	td	35	59	49	70	103	82
Mei	td	26	48	38	74	86	114
Jun	td	51	37	43	80	42	75
Julai	td	14	62	45	111	60	502
Ogos	24	18	73	52	206	67	574
September	16	39	139	39	84	60	637
Oktober	29	19	98	34	50	74	757
November	30	31	71	40	67	49	td
Disember	16	21	46	35	67	59	td
<b>Jumlah</b>	<b>115</b>	<b>342</b>	<b>728</b>	<b>503</b>	<b>932</b>	<b>739</b>	<b>2,863</b>

Sumber: Pasukan Tindak Balas Kecemasan Komputer Malaysia (MyCERT).  
Nota: Data tidak termasuk kes sebelum Ogos 1997 dan selepas Oktober 2003.

### Senario Industri Komputer Di Malaysia Mengikut Tahun

Tahun	Jumlah Komputer Aktif (ribu unit)	Pelanggan Internet (ribu orang)	Pengguna Internet (ribu orang)	Hasil Jualan (RM juta)	Pertumbuhan Tahunan (%)
1995	610	18	30	3,800	26
1996	760	90	180	4,940	30
1997	1,030	200	500	5,380	9
1998	1,360	400	1,500	4,840	10
1999	1,800	700	2,800	5,230	8
2000	2,200	1,400	4,000	5,910	13
2001	3,000	2,000	6,500	6,501	10
2002	3,600	2,600	7,500	7,151	10

Sumber: Persatuan Industri Komputer Dan Multimedia Malaysia (Pikom) 2003.

khidmatan Internet (ISP) di negara ini iaitu Jaring, TM Net, Maxis, Time dan Comcel.

Malaysia masih kekurangan pakar forensik komputer termasuk pihak polis sendiri sedangkan penjenayah siber pula kian ramai dan mahir menggunakan teknologi canggih. "Inilah dilema dan kita berharap kerajaan dapat bertindak segera sebelum keadaan jadi parah dan masyarakat hilang kepercayaan terhadap ICT," kata Xavier Tan, Pengerusi Persatuan Industri Komputer dan Multimedia Malaysia (Pikom). Meskipun beliau bimbang, Xavier tetap menaruh keyakinan terhadap pelbagai usaha tegas kerajaan

termasuk penggubalan undang-undang siber. Antaranya, penguatkuasaan Akta Jenayah Komputer 1997, Akta Tandatangan Digital 1997 serta Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

"Terbaru, Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia serius menggubal Undang-undang Perlindungan Peribadi. Ia menjamin keselamatan butiran diri rahsia pengguna ketika transaksi bank dijalankan menerusi Internet. Undang-undang itu akan membendung urus niaga palsu perbankan secara talian," katanya. Xavier juga ialah Pengarah Urusan syarikat komputer Extol Corporation Sdn. Bhd.

Sehingga kini, Pikom belum mempunyai rekod tentang jumlah kerugian akibat jenayah siber di Malaysia. Namun, kes salah laku siber di negara ini dipercayai telah menyebabkan sektor bank yang banyak menggunakan perkhidmatan aplikasi ICT dalam urus niaga elektronik mengalami kerugian jutaan ringgit, selain kos tinggi dibelanjakan bagi membaiki dan meningkatkan keselamatan talian.

Sebagai peneraju gabungan 411 buah syarikat ICT di Malaysia yang menguasai 80 peratus dagangan industri komputer, Xavier turut bersetuju bahawa kesedaran masyarakat terhadap jenayah siber semakin baik saban tahun. "Oleh itu saya berpendapat peningkatan kes jenayah siber tidak semestinya gambaran sistem perkomputeran negara juga lemah dan mudah bolos," katanya.

Kita belum sampai ke peringkat seperti di Amerika Syarikat (AS) apabila rakyatnya sendiri tergamak menggodam rosak rangkaian keselamatan komputer sensitif negara itu. "Jika dilihat statistik, jenayah siber di Malaysia banyak melibatkan kes mesej sampah dan serangan virus. Jadi, keadaan pada amnya masih lagi terkawal," ujar Xavier.

Sekadar perbandingan, sebanyak 3,734 kes jenayah siber dilaporkan di AS pada 1998, menokok kepada 9,859 (1999), 21,759 (2000) dan 52,658 (2001). Kebanyakan membabitkan kes berisiko tinggi termasuk insiden memalukan tiga tahun lalu apabila 500 sistem komputer canggih milik tentera, jabatan kerajaan dan swasta diceroboh oleh beberapa remaja AS dan Israel.

Biarpun begitu, situasi selesa tersebut bukanlah bermakna pihak berwajib seperti NISER, MyCERT atau polis boleh 'duduk' tenang. Jenayah tetap jenayah walaupun dilakukan di alam maya atau tanpa senjata berbahaya. Di AS, insiden 11 September 2001 membuka mata pihak berkuasa bahawa pihak pengganas juga boleh mengeksploitasi ICT untuk mencapai misi keganasan mereka.

Jangan terkejut barangkali suatu ketika nanti perompak tidak perlu bersusah payah berbalas tembak dengan polis. Cukup dengan sentuhan butang komputer di rumah, jutaan akaun penyimpan bank lesap sekelip mata. Inilah cabaran dunia ICT. Di sebalik ada kebaikan dan keburukan, ia juga mampu memudahkan urusan atau menyusahkan kehidupan insan. □